

Banjir dijangka lebih kerap kerana pembalakan

SHAH ALAM 16 Jan. - Kejadian banjir dijangka lebih kerap berlaku pada masa depan jika kegiatan pembalakan secara besar-besaran dan tidak terkawal terutamanya di kawasan bukit di hulu sungai terus dijalankan.

Naib Canselor Universiti Teknologi Mara (UiTM), Prof. Datuk Seri Ir. Dr. Sahol Hamid Abu Bakar (**gambar**) yang juga pakar dalam kejuruteraan hidrologi berkata, pihak berkuasa yang mengeluarkan permit membalak juga perlu membayar ganti rugi jika berlakunya kejadian banjir disebabkan oleh kegiatan itu.

“Kejadian banjir sudah pastinya menyebabkan malapetaka serta kerugian be-

sar sama ada melibatkan harta benda mahu pun nyawa.

“Ini kita bercakap soal pembalakan sah bukannya secara haram,” katanya selepas merasmikan Simposium Kawalan Banjir Antarabangsa di sini hari ini.

Sepatutnya kata beliau, pihak yang mengeluarkan permit pembalakan mensyaratkan pihak yang menjalankan kegiatan itu mengadakan zon penampungan agar aliran hujan tidak membawa bersama tanah yang terhakis ke dalam sungai



hingga menyebabkan sungai menjadi cetek.

Beliau mengulas cadangan Kerajaan Pas Kedah yang tetap mahu meneruskan rancangan meneroka sekurang-kurangnya lebih 1,000 hektar lagi hutan di sekitar negeri ini bagi tujuan pembangunan tanah dengan memberikan alasan kononnya akan dibuat mengikut peraturan.

Dalam pada itu, Sahol Hamid turut memberitahu, UiTM akan mengadakan kerjasama dengan empat institusi pengajian tinggi (IPT) di pe-

ringkat antarabangsa untuk menu-buhkan Pusat Kajian Kawalan Banjir Antarabangsa yang akan berpusat di kampus universiti itu di sini.

Pusat tersebut katanya, akan diwujudkan bagi membolehkan kajian secara terperinci dapat dilakukan membabitkan kejadian banjir besar yang ketika ini dilaporkan semakin kerap berlaku di negara ini.

“Dahulu kejadian banjir hanya berlaku di kawasan Pantai Timur seperti Kelantan dan Terengganu, kini boleh berlaku di Kedah, Johor dan Pahang. Keadaan ini memerlukan kita mengkaji mengapa kejadian berkenaan boleh berlaku dan cara mengatasinya.

“Melalui kerjasama itu, kita akan mencari jalan mengatasi kejadian banjir tersebut dengan menggabungkan hampir 50 orang pakar bidang berkaitan air dari lima pusat pengajian tinggi iaitu University State Of Colorado, Amerika Syarikat; University Of Stuttgart, Jerman; IIT Roorkee, India; Asian Institute Of Technology (AIT) Thailand dan UiTM sendiri,” ujarnya.

Yang turut hadir, Pakar Bidang Teknologi Hidro dari University Colorado, Prof. Dr. Pierre Y. Julien dan Penasihat Bank Dunia Bagi Sumber Air dan Alam Sekitar, Dr. Daniel Gunaratnam.